

# M harap rakyat berkorban untuk masa depan negara

<sup>(P)</sup>  
KUALA LUMPUR 4 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kempen 'belilah barangan buatan Malaysia' dengan harapan rakyat akan berkorban untuk masa depan negara.

"Kita mestilah sanggup berkorban dalam jangka pendek dan pengorbanan itu mungkin dalam konteks harga yang agak tinggi bagi sesuatu barangan tempatan tetapi ia akan memberi keuntungan jangka panjang kepada para pengguna dan ekonomi negara.

"Saya yakin para pengguna Malaysia sanggup berkorban pada peringkat awal ini kerana akhirnya negara kita juga yang akan bertambah maju, mengeluarkan barangan bermutu, mengurangkan aliran tukaran wang asing serta mengukuhkan kedudukan kewangan ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara perindustrian," katanya.

Bagaimanapun, dalam ucapannya di majlis pelancaran kempen belilah barangan buatan Malaysia di Hotel Hilton di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan para pengusaha tempatan jangan mengambil kesempatan dari pengorbanan para pengguna itu.

Ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah. Turut hadir di majlis itu ialah timbalannya, Haji Muhyiddin Yassin yang merupakan pengerusi jawatankuasa pemandu kempen tersebut dan beberapa orang menteri kabinet.

Kempen ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Persekutuan Pekilang - Pekilang Malaysia (FMM) dan beberapa syarikat telah diberi anugerah penghargaan kerana mengeluarkan barangan terbaik.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap kempen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur, maju dan berdiri atas kaki sendiri ini bukan sahaja mendapat sambutan dari para pengusaha tetapi juga orang ramai kerana mereka merupakan kuasa pembeli yang akan menentukan kejayaan barangan buatan tempatan.

Sehubungan dengan itu Datuk Sri Dr. Mahathir berharap para pengusaha tempatan dapat berusaha meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran mereka kerana dengan cara ini mereka bukan sahaja dapat mengeluarkan barangan yang bermutu, bahkan akhirnya dapat mengenakan harga yang berpatutan kepada para pengguna.

"Dengan kos pengeluaran yang berkurangan, mereka akan dapat memberi saingan yang lebih bermakna dan di peringkat inilah pengorbanan pengguna akan semakin berkurangan dan mendapat faedah seperti yang diharapkan," katanya.

## Kempen beli barang Malaysia dilancar

UM 5 APR 1985

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa kerajaan tidak boleh memberi perlindungan kepada industri - industri tempatan setiap masa kerana dari segi jangka panjang ia tidak memberi apa - apa faedah.

Oleh itu, katanya, para pengusaha hendaklah meningkatkan daya pengeluaran masing - masing kerana yang diperlukan ialah kenaikan produktiviti dari segi mutu dan harga sehingga perlindungan dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan sama sekali.

"Dalam usaha meningkatkan keupayaan negara dalam perindustrian, kedua - dua pihak pengguna dan pengusaha hendaklah sama - sama berkorban kerana pengguna tidak harus dijadikan mangsa buat selama - lamanya," tegas beliau.